

SIARAN AKHBAR

S.A. 2026/16/18_16 (HQ)

TNB LANCAR MY BRIGHTER GREEN INITIATIVE 2026 DI LANGKAWI, PERKUKUH USAHA PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI

- 40,000 anak pokok hutan dan bakau ditanam di enam lokasi seluruh negara
- Kerjasama strategik bersama Malaysian Nature Society (MNS)
- Libatkan kira-kira 1,000 sukarelawan dan pelbagai pihak berkepentingan

Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini melancarkan My Brighter Green Initiative (MBGI) 2026, sebuah program pemuliharaan alam sekitar yang akan menyaksikan penanaman 40,000 anak pokok hutan dan bakau di enam lokasi seluruh negara, sekali gus menyokong usaha pemuliharaan biodiversiti, meningkatkan daya tahan iklim serta memperkasa kesejahteraan komuniti.

Majlis perasmian program “My Brighter Green – For Greener Tomorrow TNB 2026” di Kubang Badak, Langkawi itu disempurnakan oleh Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid, bersama wakil Jabatan Perhutanan Negeri Kedah. Program ini disertai kira-kira 150 peserta yang terdiri daripada warga kerja TNB, komuniti setempat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pendidikan dan pihak berkepentingan.

Memperkukuh Komitmen Kelestarian TNB

Abdul Razak berkata, MBGI 2026 mencerminkan komitmen berterusan TNB dalam menterjemahkan agenda kelestarian kepada tindakan yang memberi manfaat nyata kepada rakyat dan alam sekitar.

“Melalui MBGI 2026, TNB akan menanam 40,000 pokok di enam lokasi strategik di seluruh negara yang dijangka menyerap 67 tan setara karbon dioksida (tCO₂e) setahun, bersamaan kira-kira perjalanan sejauh 249,100 km oleh sebuah kereta petrol atau penggunaan elektrik hampir 13 buah rumah dalam tempoh setahun, di samping memperkukuh pemulihan ekosistem demi manfaat jangka panjang komuniti.

"Inisiatif ini turut menyokong agenda peralihan tenaga negara serta aspirasi mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050," katanya.

Selain Langkawi, MBGI 2026 turut dilaksanakan di Tanjung Burung, Perak; Tanjung Tuan, Melaka; Jimah, Negeri Sembilan; Nibong Tebal, Pulau Pinang; dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Selangor, dengan penglibatan kira-kira 1,000 sukarelawan. Program bernilai RM800,000 ini merangkumi aktiviti penanaman, pemantauan dan penyelenggaraan pokok bagi memastikan keberkesanan usaha pemulihan ekosistem pesisir.

Kubang Badak Sebagai Lokasi Permulaan

Sebagai lokasi pertama program tahun ini, Kubang Badak menyaksikan penanaman 10,000 anak pokok bakau menerusi kerjasama strategik antara TNB dan Malaysian Nature Society (MNS).

Pemilihan Kubang Badak dibuat berdasarkan kepentingannya sebagai kawasan ekosistem bakau yang kaya dengan biodiversiti serta berfungsi sebagai benteng semula jadi terhadap hakisan pantai dan cuaca ekstrem.

Di Kubang Badak, spesies yang ditanam terdiri daripada *Rhizophora apiculata* dan *Rhizophora mucronata*, yang berperanan penting sebagai benteng semula jadi terhadap hakisan pantai, menyediakan habitat kepada hidupan marin serta membantu penyerapan dan penyimpanan karbon.

Selain aktiviti penanaman pokok, TNB turut melaksanakan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang memberi manfaat langsung kepada komuniti setempat, termasuk pembinaan telaga air di Jeti Nelayan Kubang Badak, sumbangan kepada Masjid Kampung Ewa bagi menyokong program pengimarahkan masjid, penyediaan peralatan pembelajaran pintar kepada Sekolah Kebangsaan Ewa dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hangat, serta akan membina sebuah rumah di bawah Projek Baiti Jannati TNB untuk keluarga asnaf di Kampung Mawat. Jumlah keseluruhan sumbangan CSR adalah melebihi RM170,000.

Pemeliharaan Biodiversiti dan Daya Tahan Iklim

Menurut Abdul Razak, MBGI 2026 meneruskan legasi program penghijauan TNB yang telah dilaksanakan sejak 2007 melalui kerjasama dengan NGO, pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan.

“Bagi memastikan impak jangka panjang, MBGI 2026 turut merangkumi pemantauan dan penyelenggaraan pokok sehingga dua tahun selepas penanaman bagi meningkatkan kadar kelangsungan hidup pokok,” katanya.

Beliau menambah bahawa MBGI merupakan sebahagian daripada komitmen CSR TNB yang lebih menyeluruh. Pada Tahun Kewangan 2025, TNB membelanjakan lebih RM232.3 juta bagi program komuniti yang merangkumi pendidikan, sukan, kesejahteraan masyarakat dan alam sekitar.

Melalui MBGI 2026, TNB terus memperkukuh peranannya sebagai syarikat utiliti yang bukan sahaja membekalkan tenaga kepada negara, malah turut menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar, pembangunan komuniti dan masa depan rendah karbon Malaysia.

Dikeluarkan di Langkawi, Kedah pada 18 Jun 2026, jam 3:00 petang

Untuk pertanyaan media, sila hubungi Hanim Idris di 019-2617617

/Grace Tan 016-6626229/ Faiq Haikal 013-3889606

atau e-mel kami di: media@tnb.com.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki kapasiti penjanaan sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.2GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkey, yang terutamanya terdiri daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Mac 2025, TNB membekalkan elektrik kepada lebih daripada 11 juta pelanggan.

Gambar 1



Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid (depan), menyempurnakan perasmian program My Brighter Green Initiative (MBGI) 2026 di Kubang Badak, Langkawi, Kedah, pada 18 Jun 2026. Turut mengiringi beliau ialah (dari kanan) Ketua Pegawai Kanan Strategi, Regulatory dan Kelestarian TNB, Dato' Ir. Muhamad Nazri Pazil; Ketua Pegawai Grid TNB, Hasmarizal Hassan; dan Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Ir. Ahmad Sazree Abd Aziz. Program ini merupakan sebahagian daripada usaha TNB memperkukuh pemuliharaan alam sekitar, pemulihan ekosistem serta kesejahteraan komuniti.

Gambar 2



Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini melancarkan My Brighter Green Initiative (MBGI) 2026, sebuah program pemuliharaan alam sekitar yang akan menyaksikan penanaman 40,000 anak pokok hutan dan bakau di enam lokasi seluruh negara, sekali gus menyokong usaha pemuliharaan biodiversiti, meningkatkan daya tahan iklim serta memperkasa kesejahteraan komuniti.

Gambar 3



Peserta program menanam anak pokok bakau yang terdiri daripada spesies *Rhizophora apiculata* dan *Rhizophora mucronata* di Kubang Badak, Langkawi. Spesies ini berperanan sebagai benteng semula jadi terhadap hakisan pantai, habitat penting bagi hidupan marin serta membantu penyerapan dan penyimpanan karbon.



Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid (dua dari kanan) diiringi Ketua Pegawai Kanan Strategi, Regulatory dan Kelestarian TNB, Dato' Ir. Muhamad Nazri Pazil (paling kanan), menziarahi Mohamad Raizal Ab Aziz, 44, di Kampung Mawat, Langkawi, serta menyampaikan bantuan di bawah Projek Baiti Jannati (PBJ) TNB bagi pembinaan rumah baharu untuk keluarga asnaf berkenaan.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB yang turut merangkumi pembinaan telaga air di Jeti Nelayan Kubang Badak, sumbangan kepada Masjid Kampung Ewa bagi menyokong program pengimaran masjid, serta penyediaan peralatan pembelajaran pintar kepada Sekolah Kebangsaan Ewa dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hangat, dengan jumlah keseluruhan sumbangan melebihi RM170,000.